

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD.
NASIR [JOHOR BAHRU]**

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR [JOHOR BAHRU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan komitmen Kerajaan bagi memastikan lantikan-lantikan di syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLCs) dibuat berdasarkan merit tanpa mengambil kira sebarang kepentingan politik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Salah satu inisiatif yang digariskan di bawah Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 di bawah strategik memupuk tadbir urus baik dalam entiti korporat adalah memperkenalkan dasar berhubung pelantikan ahli politik sebagai Pengerusi atau Ahli Lembaga Pengarah dalam Badan Berkanun, Syarikat Berkepentingan Kerajaan dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan berasaskan kepada keperluan syarikat dan kelayakan calon dari segi akademik, kelayakan profesional, kemampuan, kepakaran dan pengalaman. Inisiatif yang digariskan dalam NACP ini juga menekankan supaya pelantikan mana-mana individu hendaklah dalam kalangan yang berintegriti tinggi memimpin GLC bersandarkan merit dan kelayakannya.

Bagi memperkukuhkan lagi inisiatif ini, semakan dan pindaan sedang dibuat ke atas Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 bagi menjelaskan lagi dengan lebih terperinci berhubung dasar, prinsip dan peraturan semasa yang boleh dijadikan panduan dalam pengurusan BBP. Tindakan semakan semula ke atas Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 ini tidak terhad kepada Badan Berkanun dan Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) di bawah Kementerian Kewangan sahaja, namun ianya juga merangkumi entiti-entiti berkepentingan keseluruhan yang ditubuhkan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.